

Setiap atlet pasti mengimpikan kejayaan dalam sukan dan bergelar juara. Hal ini dikatakan demikian kerana ganjaran yang bakal diperoleh daripada sebuah kemenangan adalah sangat lumayan. Mereka mungkin mendapat sanjungan tinggi daripada semua lapisan masyarakat, sekali gus diangkat sebagai hero.

Selain itu, atlet itu dapat menikmati pendapatan yang tinggi hingga mencecah jutaan ringgit. Pendapatan ini tidak termasuk tajaan daripada syarikat tersohor. Oleh sebab atlet terlalu dahagakan kemenangan, mereka sanggup mengambil langkah mudah dengan melibatkan diri dengan doping.

Doping merupakan perbuatan atlet yang menggunakan bahan atau kaedah terlarang bagi meningkatkan

prestasi mereka dalam sukan yang diceburi. Perkataan doping sebenarnya berasal daripada perkataan Belanda, iaitu "dop" yang merupakan sejenis minuman beralkohol yang dihasilkan daripada kulit buah anggur. Minuman ini digunakan oleh pahlawan Zulu bagi meningkatkan kekuatan dan kehebatan dalam peperangan. Pada awal abad ke-20, istilah ini digunakan bagi merujuk pengharaman penggunaan dadah dalam perlumbaan kuda.

Punca pengharaman doping dapat dibahagikan kepada dua sebab utama. Pertama, menjaga integriti atau maruah sukan. Kedua, dadah atau bahan terlarang memudaratkan diri atlet.

Jika seseorang atlet itu sengaja mengambil dadah, ketidakadilan berlaku kepada atlet lain. Kemenangan yang diperoleh mungkin disebabkan oleh kesan daripada dadah yang diambil.

Sukan merupakan acara bagi mengukur kebolehan dan keupayaan seseorang itu dalam suatu pertandingan. Jika seseorang atlet itu sengaja mengambil dadah, ketidakadilan berlaku kepada atlet lain. Kemenangan yang diperoleh mungkin disebabkan oleh kesan daripada dadah yang diambil dan, bukan daripada kebolehan atau

WADA

Polis Sukan Dunia?



Jadual Bahan Terlarang oleh WADA

Jenis Bahan Terlarang	Kesan Negatif
Dadah jenis perangsang Contoh: Amfetamin, strichnin, sibutramin, kokain, efedrin, fentermin, selegilin	Hilang selera makan, sukar tidur (insomnia), euforia, halusinasi (psikosis), tekanan darah tinggi (hipertensi), ketagihan dan peningkatan suhu badan (hipotermia).
Narkotik Contoh: Fentanil, morfin, buprenorfin, metadon, oksikodon	Ketagihan, mengalami masalah keseimbangan badan, loya dan muntah, masalah tidur dan tekanan, mengalami masalah pernafasan dan kadar degupan jantung dan kebolehan untuk fokus berkurang.
Kanabinoid Contoh: Kanabis, hashish, marijuana, THC, kanabimimetik ("spice", JWH018, JWH073, HU-210)	Meningkatkan kadar degupan dan tekanan darah, radang peparu, kanser, mengalami masalah koordinasi dan imbang badan, kehilangan ingatan dalam jangka masa singkat, hilang fokus, halusinasi (psikosis), suhu badan abnormal, mengalami masalah kesuburan dan ketagihan.
Steroid Androgenik Anabolik Contoh: Stanozolol, boldenon, klostebol, oksabolon, gestrinon, tetrahydrogestrinon, trenbolon, metiltrenolon, fluoksimesteron, 1-testosteron	Kulit berminyak dan jerawat, mengalami masalah kesuburan, tekanan darah tinggi (hipertensi), mengalami masalah buah pinggang dan hati, sikap menjadi ganas dan agresif, menggalakkan pertumbuhan tumor (barah), keguguran rambut (botak) dan kemandulan.
Lain-lain Agen Anabolik Contoh: Klenbuterol, andarin (S-4), ostarin (S-22), zeranol, zilpaterol	Tubuh menggeleter, gelisah dan rasa bimbang, degupan jantung abnormal dan kekejangan otot.
Diuretik dan Agen penyamaran Contoh: Furosemid, probenesid, bumetanid, klorotiazid, indapamid	Terhidrasi (dehidrasi), penurunan peredaran isi padu darah (hipovolemia), kekejangan otot, kegagalan jantung dan buah pinggang, pening (ortostatik hipotensi) dan nadi jantung abnormal (aritmia).
Hormon Peptida, Faktor Pertumbuhan Contoh: Korionik gondotropin manusia (hCG), hormon pertumbuhan manusia (HGH), eritropoietin (EPO)	hCG; kitaran haid terganggu (wanita), mengalami pembesaran buah dada (ginekomastia) (lelaki). HGH; pertumbuhan tangan, kaki dan muka abnormal, pertumbuhan organ dalaman seperti hati abnormal, masalah sendi (artropati), diabetes mellitus, penyakit kardiovaskular, seperti tekanan darah tinggi (hipertensi), EPO; Meningkatkan kelikatan dan ketebalan darah, tekanan darah tinggi (hipertensi), saluran darah di peparu tersumbat (pulmonari embolisme).
Glukokortikoid Contoh: Betametason, desametason, metilprednisolon, prednison, prednisolon	Mengalami masalah tidur (insomnia), tekanan darah tinggi (hipertensi), melambatkan proses penyembuhan luka, diabetes mellitus, jisim tulang berkurang (osteoporosis).
Penghalang Beta Contoh: Asebutolol, bunolol, karvedilol, esmolol, pindolol, sotalol, timolol	Tekanan darah rendah (hipertensi), kadar degupan jantung perlahan (bradikardia), kegagalan jantung, insomnia dan kemandulan.
Beta-2-Agonis Contoh: Salbutamol, formoterol, klenbuterol, tertbutalin, salmeterol	Fungsi jantung tidak teratur, otot menggigil, sakit kepala, berasa resah dan sukar tidur. Hal ini dapat mengancam nyawa sesiapa yang mengalami masalah jantung.
Peningkatan Perpindahan Oksigen Contoh: Doping darah	Saluran darah tersumbat (beku) menyebabkan strok, nyawa terancam disebabkan oleh tindak balas hipersensitiviti (kejutan anafiksia), hepatitis, AIDS dan alergi (demam dan ruam).
Alkohol	Dapat menyebabkan ketagihan (jangka masa panjang), mengalami masalah keseimbangan badan, lambat bertindak balas, agresif dan mengalami masalah hati jika diambil secara berlebihan dalam jangka masa panjang.

usahanya sendiri. Oleh sebab itu, mereka sebenarnya menipu diri sendiri, rakan sepejuangan, pihak lawan, peminat sukan, masyarakat dan negara.

Dadah atau bahan yang terlarang yang diambil tanpa kawalan atau tanpa nasihat daripada pakar (doktor) dapat menyebabkan atlet berhadapan dengan risiko penyakit. Antaranya termasuklah barah, kegagalan buah pinggang dan kematian.

Doping mula dikesan pada tahun 1904 ketika Sukan Olimpik Saint Louis. Ketika sukan ini berlangsung, berlaku kematian tragis beberapa atlet. Ekoran daripada isu ini, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) digesa untuk mengambil langkah bagi mengawalinya. Selain mengancam nyawa, doping juga merosakkan integriti sukan.

Oleh sebab itu, pada tahun 1968, bahan terlarang disenaraikan dan ujian dadah (antidoping) dikenalkan buat pertama kalinya ketika Sukan Olimpik Musim Sejuk di Grenoble dan Sukan Olimpik di Mexico. Pada 10 November 1999, WADA (Agensi

Kejayaan terbesar pusat ini adalah berjaya menjalankan ujian antidoping bagi Sukan Komanwel XVI, Kuala Lumpur pada tahun 1998.

Anti doping Antarabangsa) ditubuhkan sebagai sebuah badan antarabangsa bebas ekoran daripada keputusan Persidangan Antarabangsa Pertama Doping dalam sukan di Lausanne (Februari 1999).

WADA bertindak sebagai organisasi bebas yang berkuasa mendidik, memperkenalkan, menyelaras dan memantau dari

Senarai makmal antidoping di benua Asia yang mendapat akreditasi WADA

1. Pusat Kawalan Doping Kebangsaan, Universiti Mahidol - Bangkok, Thailand
2. Makmal Antidoping, Mitsubishi Chemical Medience Corporation - Tokyo, Japan
3. Makmal Antidoping Atlet, Agensi Hubungan Sukan dan Latihan Fizikal Republik Kazakhstan- Almaty, Kazakhstan
4. Pusat Kawalan Doping Korea, Institut Sains dan Teknologi - Seoul, Korea
5. Makmal Ujian Doping Kebangsaan - New Delhi, India
6. Makmal Antidoping Kebangsaan, agensi Antidoping China - Beijing, China

segala segi. Hal ini selaras dalam usaha memerangi atau membanteras penggunaan dadah dalam sukan.

Peranan WADA sangat penting dan berada pada tahap yang tinggi dalam sukan. WADA memantau segala aktiviti antidoping di seluruh dunia bagi memastikan pelaksanaannya dijalankan dengan betul dan mematuhi Kod Antidoping Dunia (Code).

Code ialah sebuah dokumen yang dihasilkan oleh Persekutuan Sukan Antarabangsa (IFs) dan Pertubuhan Antidoping Kebangsaan (NADOs) bagi menyelaraskan peraturan antidoping dalam semua sukan di seluruh dunia. Melalui dokumen ini juga semua makmal yang terpilih bagi menjalankan ujian antidoping terhadap sampel atlet diselia dan dipantau.

Ada 33 makmal yang terpilih dan berjaya mendapatkan akreditasi WADA bagi melayakkan mereka menjalankan ujian antidoping terhadap sampel atlet. Makmal di Malaysia juga pernah dipilih sebagai satu daripada

makmal yang mampu menjalankan ujian antidoping. Makmal ini terletak di kampus Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, iaitu Pusat Kawalan Doping.

Kejayaan terbesar pusat ini adalah berjaya menjalankan ujian antidoping bagi Sukan Komanwel XVI, Kuala Lumpur pada tahun 1998. Malangnya, akreditasi WADA ditarik balik pada tahun 2010 setelah 12 tahun beroperasi. Selain itu, ada dua makmal lagi yang menerima nasib yang sama, iaitu makmal antidoping Ankara di Turki pada tahun 2010 dan makmal antidoping di Tunisia pada 10 Jun 2013.

Dengan adanya WADA, setiap pertandingan sukan dapat dijalankan dengan adil dan saksama. Sama ada menang atau kalah, atlet berjaya menempuhinya dengan penuh semangat kesukanan dan bermau-mau. Kejayaan yang diperoleh oleh para atlet terbukti disebabkan oleh bakat dan kebolehan mereka sendiri. 

